


Manulife  
*berdiri teguh*  
untuk anda dan  
*bersama anda*



Sepanjang tempoh yang mencabar ini, keutamaan kami ialah *kesihatan* dan *keselamatan* pelanggan, rakan niaga dan kakitangan. Semoga anda semua kekal *selamat dan sihat*.

Manulife sememangnya bersedia untuk menghadapi situasi mencabar ini. Kami mengambil langkah untuk memastikan anda mendapat sokongan berterusan dengan memberikan perlindungan dan bantuan yang tidak terganggu.

Berikut ialah inisiatif yang telah kami laksanakan untuk menyokong anda sepanjang penularan wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP):

## 1) Program Bantuan Kewangan Khas RM 1 juta (SFAP)



### Bantuan kepada semua pemilik polisi Manulife pada masa yang tidak menentu ini.

Kami telah menyediakan manfaat berikut bagi pelanggan yang disahkan menghidap COVID-19:

- *Sokongan Pendapatan Kemasukan Hospital* – manfaat harian RM200 jika anda diminta menjalani kuarantin di mana-mana hospital yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan
- *Manfaat Ihsan* – bayaran sekali gus RM10,000 setiap pelanggan; ATAU RM15,000 setiap pelanggan jika anda Kakitangan Perubatan yang bekerja di hospital

Kami akan *menepikan tempoh menunggu 30 hari* bagi polisi pelan perubatan Manulife jika kemasukan hospital anda disebabkan COVID-19. *Pengecualian 90 hari* untuk tuntutan rawatan perubatan di luar negara juga akan *dikecualikan* jika anda terjejas oleh sekatan perjalanan.

Program dilaksanakan dari 26 Februari 2020 hingga 31 Mac 2021 (termasuk kedua-dua tarikh).

Sila klik pautan ini <https://www.manulife.com.my/en/individual/services/announcements.html> untuk butiran lanjut.

## 2) Memastikan perkhidmatan berterusan untuk anda



Kami mahu anda duduk di rumah dan kekal selamat kerana kami akan terus menyediakan perkhidmatan yang anda perlukan seperti permohonan tuntutan, pentadbiran polisi, perkhidmatan manfaat polisi atau pembelian produk insurans baharu. Untuk tujuan tersebut, kami telah mempermudah proses perkhidmatan kami terutamanya komunikasi dalam talian untuk kemudahan anda semasa dan selepas PKP.

### a) Permohonan Tuntutan Tidak Bersemuka (NF2F)

Anda boleh muat turun borang permohonan di <https://www.manulife.com.my/en/individual/services/file-a-claim.html> dan hantar e-mel ke [MYCARE@manulife.com](mailto:MYCARE@manulife.com) untuk pemprosesan.

### b) Perkhidmatan Pentadbiran Polisi dan Manfaat Polisi NF2F

Untuk sebarang pertanyaan tentang perubahan polisi, sila muat turun borang yang berkenaan dari <https://www.manulife.com.my/en/individual/services/forms-library.html> dan e-mel ke:

- [MY\\_POS@manulife.com](mailto:MY_POS@manulife.com) untuk permintaan Pentadbiran Polisi seperti melakukan tambah nilai premium, pertukaran dana berkaitan pelaburan, menambah atau mengubah penama/pemegang amanah dll.
- [MY\\_POSBEN@manulife.com](mailto:MY_POSBEN@manulife.com) untuk permintaan Manfaat Polisi seperti kematangan, pengeluaran dan penyerahan polisi.

Telefon ejen perkhidmatan atau Talian Khidmat Pelanggan kami di 03 2719 9112 / 1 300 13 2323 jika anda memerlukan sebarang bantuan.

**Perhatian:** Pelanggan perlu menghantar swafoto (selfie) dengan KP asal jika tiada saksi.



### c) Permohonan Baharu NF2F

**Dapatkan perlindungan secukupnya untuk menjamin ketenangan fikiran**

Proses Jualan NF2F kami memudahkan anda berhubung dengan kami menerusi:

- *platform komunikasi dalam talian*
- *swafoto (selfie) dengan KP untuk tujuan pengesahan*

Kami sukacita untuk berkongsi produk penyakit kritikal utama kami, **Beyond Critical Cover (BCC)**, sebuah pelan yang dirangka khas untuk anda. BCC memberikan anda perlindungan daripada *Pendaftaran Masuk* dan *39 Penyakit Kritikal Dilindungi*.

Hubungi ejen perkhidmatan anda untuk maklumat lanjut tentang BCC atau produk lain kami.

### 3) Kaedah pembayaran premium tanpa tunai serba mudah



### Duduk rumah, kekal selamat, dan terus dilindungi

Kami mempunyai pelbagai kaedah pembayaran premium seperti *Pengebilan Automatik*, *JomPAY*, dan *Perbankan Internet* untuk membantu memastikan anda menikmati perlindungan tanpa gangguan.

Dapatkan maklumat lanjut daripada ejen perkhidmatan atau klik di [pautan](#) ini untuk butiran lanjut.

### Membantu meringankan beban kewangan anda sambil memastikan anda terus terlindung

Sejajar dengan inisiatif meringankan beban COVID-19 oleh Bank Negara Malaysia, kami menawarkan kepada pemilik polisi yang layak *tempoh penangguhan 3 bulan* untuk membayar premium insurans. Sepanjang tempoh penangguhan ini, Manulife akan terus menyediakan perlindungan insurans.

Telefon ejen perkhidmatan atau Talian Khidmat Pelanggan di 03 2719 9112 / 1 300 13 2323 jika anda memerlukan sebarang bantuan.

**Perhatian:** Ini **BUKAN** program penangguhan premium automatik. Oleh yang demikian, pemilik polisi perlu menghubungi Manulife untuk memohon program ini.

### 5) Dana Ujian Covid-19 RM8 juta (CTF)



### Berdiri teguh bersama rakan-rakan industri

Semua pemilik polisi insurans perubatan dan kesihatan Manulife boleh memohon untuk *pembayaran balik sehingga RM300* untuk *ujian COVID-19* di bawah CTF.

CTF ditubuhkan oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA).

Isi borang dalam talian dan kemukakan dokumen sokongan terus kepada portal CTF di [www.myCTF.my](http://www.myCTF.my)

### 4) Program Penangguhan Premium (PDP)

